

08/12/2001

Umno setuju PBS sertai Barisan

Kadir Dikoh, Zulkofli Jamaluddin; Wan Esuriyanti Wan Ahmad  
KUALA LUMPUR, Jumaat - Majlis Tertinggi (MT) Umno petang ini bersetuju  
Parti Bersatu Sabah (PBS) menyertai semula Barisan Nasional (BN).

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pendirian parti  
itu akan dinyatakan dalam mesyuarat Dewan Tertinggi BN selepas Aidilfitri  
ini.

"MT tidak ada halangan terhadap penyertaan semula PBS ke dalam BN. Ini  
akan menjadi pendirian wakil Umno dalam mesyuarat dewan tertinggi BN,"  
katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat itu petang ini.

Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan serta beberapa pemimpin kanan  
parti itu menyerahkan surat permohonan kepada Dr Mahathir, yang juga  
Pengerusi BN, bulan lalu.

Mengenai perkembangan terbaru Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sabah  
daripada PBS, Datuk Clarence Bongkos Malakun untuk menyertai Pertubuhan  
Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO), Dr Mahathir berkata, isu  
itu akan dibincangkan dalam mesyuarat dewan tertinggi BN nanti.

Bongkos hari ini meminta maaf dan menyerahkan borang permohonannya untuk  
menyertai parti pimpinan bekas lawannya itu, bersama 228 borang permohonan  
lain kepada bekas Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Bernard Dompok selaku  
Presiden UPKO.

Bongkos yang memperoleh 10,870 undi pada pilihan raya negeri 1999,  
memenangi kerusi Moyog dengan mengalahkan Dompok yang mendapat 6,482 undi  
dalam pertandingan enam penjuru.

Mengenai rasional Bongkos mengambil keputusan itu, Dr Mahathir berkata:  
"Mungkin dia suka dengan parti komponen (BN) yang lain. Saya bukannya  
curiga seperti orang press (media). Orang press yang selalu curiga... saya  
bukan orang press, saya bukan dari pihak yang menekan."

Mengenai pemimpin Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF), Nur  
Misuari, yang kini dalam tahanan pihak berkuasa Malaysia, Dr Mahathir  
berkata beliau memberi taklimat mengenai isu berkenaan kepada MT.

"Malaysia sedia hantar Misuari keluar dari Malaysia. MT akan teliti  
perkembangan terakhir yang boleh mempengaruhi penghantaran Misuari  
pulang," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, Malaysia berasakan banyak masalah timbul  
daripada pihak tertentu pada peringkat antarabangsa, yang membuat tafsiran  
tidak tepat mengenai Islam.

Malah, katanya, ada rakyat Malaysia yang berada di luar negara untuk  
mempelajari cara menjatuhkan kerajaan dan bukannya bagi mendalami Islam.

MT juga memutuskan Umno tidak perlu membahaskan isu negara Islam kerana  
bersetuju bahawa Malaysia sememangnya adalah sebuah negara Islam.

(END)